

Ingat Pemberi Nikmat bukan hanya nikmat-Nya

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No.

43

## Subur dengan Syukur

Orang yang bersyukur sentiasa malu untuk “dimiliki” selain oleh Allah. Apabila manusia tidak merasakan memiliki dan dimiliki, hatinya subur dengan syukur. Itulah kemuncak ketenangan dan kebahagiaan dalam hidup.

**Dilema Bakal  
Pengantin PLHIV 76**

**Semut pun Sedar... 28**

**Laburkan Si Genius  
Mendalami Islam 96**

**Alam Siber vs.  
Alam Ghaib 54**

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

43

RM 10.00 (SEM)  
RM 12.00 (SIS)  
SGD 7.50  
BND 7.50  
USD 10.00  
EUR 8.00  
IDR 35,000.00  
AUD 7.50



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
(Incorporated in Malaysia)



Imbas kod untuk ke  
Facebook Majalah Solusi


TELAGA BIRU SDN. BHD.



# Gerakan Epistemologi Ilmu

**G**erakan epistemologi ilmu berlaku di Indonesia sekitar tahun 2009 dan 2010 oleh Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIIT) di seluruh bandar utama di sana. Ilmuwan seperti Prof. Dr. Osman Bakar, Prof. Omar Hasan Kasule, Prof. Dr. Rosnani Hashim dan penulis sendiri terlibat dalam gerakan di Jakarta, Yogyakarta, Bandung, Surabaya, Medan dan tempat-tempat lain untuk membangunkan epistemologi ilmu supaya proses islamisasi ilmu dapat dilaksanakan.

Sasarannya mengajak ilmuwan dan pensyarah di universiti dan institusi perguruan tinggi ke arah pemahaman berasaskan epistemologi ilmu yang islamik. Dalam beberapa perkara, Indonesia dilanda fahaman liberal dan pluralis yang memerlukan epistemologi ilmu yang lebih holistik diperkenalkan.





## Epistemologi Ilmu Islam

*Episteme* atau epistemologi merujuk kepada teori tentang sesuatu dan permulaan kepada sesuatu. Epistemologi ilmu terhubung dengan teori ilmu dan permulaan terbinanya ilmu. Epistemologi ilmu yang islamik menghubungkan ilmu bersumberkan al-Quran dan sunnah. Gerakan epistemologi ilmu di seluruh Indonesia amat penting kerana ia cara terbaik untuk mengimbangi pengaruh liberalisme dan pluralisme.

Epistemologi ilmu dalam Islam terhubung antara ilmu naqlih (wahyu) dan juga ilmu akliah (pengalaman, kaji selidik dan pemerhatian). Inilah asas tasawur atau pandangan semesta yang membentuk pola berfikir umat Islam khususnya para ilmuwan supaya asasnya mantap dan teguh.

Ilmu-ilmu dari Barat bersifat mekanistik. Ia memiliki susuk dan bentuk, tetapi tidak mempunyai roh. Meskipun mempunyai etika dan nilai dalam ilmu tersebut, namun sifatnya normatif dan cenderung berubah-ubah. Ilmu-ilmu Islam tidak sahaja mempunyai bentuk dan susuk, tetapi terkandung roh, isi dan makna dalamnya. Pancaran etika dan nilai dalam ilmu Islam berdasarkan landasan syariat yang diizinkan.

Liberalisme barat cenderung mencabut akar agama dalam binaan epistemologi dan menjadikan ilmu tersebut berkembang secara mekanistik. Ia bercanggah dengan tasawur islami yang memberikan tautan aqidah dan syariah baik dalam memahami maksud ontologi (kewujudan), epistemologi (ilmu) mahupun aksiologi (nilai).

Binaan ilmu dalam Islam ialah *value-laden* (bertatahkan nilai) bukannya *value-free* (bebas nilai). Perjalanan proses keilmuan dalam Islam bermula dengan proses ketahuan (*the process of knowing*), kemudian melalui proses kefahaman (*the process of understanding*) dan akhirnya proses menerima makna (*the process of getting the meaning*).

### Proses Keilmuan dalam Islam

**Proses ketahuan:** Ia dikembangkan menerusi pengajaran dan pembelajaran, pemerhatian dan kaji selidik kerana insan bermula daripada kejahilan. Nabi Adam umpamanya, diajar oleh Allah mengenal nama-nama bagi mengatasi ketidaktahuan. Tahu akan sesuatu memberi kita pengetahuan. Berpengetahuan memberikan manusia asas ilmu. Ilmu ialah suluh untuk mengenal sesuatu.

**Proses kefahaman:** Ia perlu disuburkan kerana ketahuan tidak akan berlaku sekiranya kefahaman tidak berlaku. Kefahaman dalam tradisi barat lebih bersifat

Akal dan ketahuan manusia bukanlah segala-gala. Ketahuan manusia mengenai alam nyata amat sedikit. Ketahuan manusia mengenai alam ghaib berada di luar kemampuan akal untuk memahaminya. Kalau tiada pedoman daripada Pencipta alam, tidak mungkin manusia berada dalam ketahuan yang baik mengenai hikmah tentang sesuatu kejadian dan peristiwa.

mekanikal atau mekanistik. Kefahaman dalam Islam tidak sahaja terhubung dengan natijah empirik yang dilakukan, tetapi terhubung melalui hikmah di sebalik sesuatu yang terjadi dan berlaku.

**Proses menerima makna:** Ia dijadikan asas atau landasan berilmu kerana naluri manusia sering bertanya sesuatu di sebalik sifat yang zahir. Konsep moden umpamanya sering dihubungkan dengan maksud maju. Tetapi, *mudn* dalam bahasa Arab merujuk maju dalam memiliki akhlak yang mulia. Maju juga selalunya dirujuk terhadap kualiti akliah dan batiniah insan yang tercermin dalam amalan mereka.

Orang sering bertanya mengenai makna kebahagiaan. Lazimnya, kebahagiaan itu terhubung dengan faktor kebendaan, nafsu dan nafsi yang bersifat sementara dan cenderung berubah-ubah. Kebahagiaan dalam Islam terhubung dengan nilai rabbani yang dimiliki dalam hidup. Tenangnya hati seorang manusia disebabkan dirinya telus terkait dengan Allah. Lalu, ia memiliki daya ihsan yang tinggi sehingga reda Allah itu menjadi sesuatu yang amat diutamakan dalam hidup.

### Kekuatan al-Quran dan Sunnah

Pada setiap sesi ketika gerakan ini berlangsung, sering ditanyakan mengenai ilmu barat dan Islam. Ada yang mengatakan ilmu barat itu sudah islami kerana sains dan teknologi memberi manfaat kepada manusia. Sesuatu yang bermanfaat adalah sesuatu yang dianjurkan oleh Islam.



PROF. DATO' DR. SIDEK BABA

Lulusan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) Universiti Malaya dan Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik, pegawai dan pensyarah, dan kini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UJAM. Dianugerah Tokoh Maulidur Rasul 2009.

Namun, terdapat penjelasan yang perlu diutarakan. Teknologi komputer umpamanya bermanfaat sebagai alat, namun dalam tradisi Islam, teknologi selama-lamanya alat dan bukannya matlamat. Dalam komputer itu sendiri terkandung maklumat, data dan fakta. Selain itu, ia terkandung input atau perisian, program dan juga hiburan yang belum tentu benar dan bermanfaat untuk mengangkat akal budi insan.

Penulis juga menjelaskan kepada mereka bahawa ilmu dalam Islam terhubung erat dengan sumbernya iaitu al-Quran dan sunnah. Asas binaan epistemologi ilmu dalam Islam ialah tidak menolak kepentingan empirik, tetapi dalam masa yang sama ia harus serasi dengan maksud syarak (*maqasid syariah*). Al-Quran bukan sahaja bersifat tekstual, dibaca secara harfiah dalam mencapai fadilat atau pahala. Jelasnya, memahami al-Quran perlulah secara kontekstual yang menghubungkan ilmu naqlih daripada Allah sebagai sumber petunjuk.

Akal dan ketahuan manusia bukanlah segala-gala. Ketahuan manusia mengenai alam nyata amat sedikit. Ketahuan manusia mengenai alam ghaib berada di luar kemampuan akal untuk memahaminya. Kalau tiada pedoman daripada Pencipta alam yang mencipta manusia ini, tidak mungkin manusia berada dalam ketahuan yang baik mengenai hikmah tentang sesuatu kejadian dan peristiwa.

Produk ilmu, sains dan teknologi barat memang ada perbandingan manfaat untuk manusia. Tetapi, perbandingan manfaat itu akan menjadi lebih bermakna sekiranya ada celupan tasawur islami padanya dan ia memerlukan proses islamisasi ilmu itu berlaku terlebih dahulu.

### Ilmu Turath dan Kontemporari

Mengikut pandangan Prof. Dr. Taha Jabir al-Alwani mengenai situasi terkini dalam keilmuan dan pendidikan, pendekatan



eklektik ialah jalan terbaik bagaimana perbandingan manfaat daripada tamadun luar Islam dapat dimanfaatkan, dan bagaimana jalur tradisi ilmu yang sifatnya *turath* atau tradisional dapat diraikan supaya wujud mata rantai yang simbiotik antara kehebatan lalu dan cabaran masa kini.

Beliau menyarankan supaya ilmu *turath* dikaji dan didalami dengan mempelajari prinsip dan pedoman yang terkandung dalamnya, supaya olahan yang dibuat nanti sesuai dengan perubahan masa dan zaman, dan dalam masa yang sama tidak mengetepikan faktor syariah yang melatarinya.

Beliau juga menganjurkan agar ilmu moden yang sifatnya kontemporari dikaji perbandingan manfaat yang ada padanya. Ilmu mengenai sains dan teknologi harus diberikan tasawur yang islami. Tasawur islami memberikan asas nilai guna terhadap sains dan teknologi. Nilai guna yang lebih manusiawi seharusnya menjadi landasan para saintis dan ahli teknologi supaya aplikasi produk sains dan teknologi membawa manfaat dan bukannya mudarat.

Jalan keluar bagi kedua-duanya ialah melakukan pendekatan eklektik atau integrasi antara kedua-duanya supaya asas nilai dan etika dijadikan perkara asas dalam proses sinergi yang terjadi. Simbiosis antara prinsip *turath* yang berlandaskan al-Quran ditemukan dengan unsur-unsur kontemporari dalam ilmu moden supaya berlaku celupan tasawur yang diolah dengan bijaksana supaya ia tidak bercanggah dengan aqidah dan syariah.

### Konsep Tauhid dalam Epistemologi

Timbul juga isu islamisasi yang cuba diperkenalkan oleh IIIT, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) atau ISTAC. Penulis menjelaskan bahawa sejak Persidangan Pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1977, gerakan islamisasi ilmu ini telah berjalan di seluruh dunia Islam. Rumusan persidangan itu ialah mengembalikan sistem ilmu berasaskan paksi tauhid dan turut menetapkan proses integrasi dan islamisasi sebagai pendekatannya. Visi dan misi UIAM umpamanya menuju ke arah integrasi, islamisasi, pengantarabangsaan dan kecemerlangan komprehensif bagi menepati falsafah UIAM sebagai taman ilmu dan budi.

UIAM memperkenalkan konsep *major* dan *minor* supaya para pelajar mendapat dua faedah iaitu mempelajari ilmu konvensional dan mempelajari


ilmu Islam. Turut difokuskan ialah ilmu Islam dan hubungannya dengan ilmu konvensional. Pada penghujung pengajian, ditambah setahun lagi bagi pelajar yang mempunyai kecemerlangan untuk melalui proses *double major* atau *double degree* bagi membolehkan lulusan UIAM terlibat dengan berkesan dalam sistem.

Contohnya, pelajar jurusan undang-undang melalui proses *major* undang-undang sivil dan *minor* dalam undang-undang syariah. Dalam masa yang sama, para pelajar yang *major* dalam undang-undang syariah dibenarkan mengambil *minor* dalam bidang undang-undang sivil. Pelajar yang cemerlang boleh memohon untuk melaksanakan *double major* dalam sivil dan syariah supaya ia dapat memantapkan lagi bidang pengajian. Ia amat berguna apabila produk pengajian seperti ini masuk ke dalam sistem nanti.

Penulis juga ditanya bagaimana sistem pendidikan seharusnya berjalan terutama dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Pada hemat penulis, transformasi pendidikan seharusnya berlaku dengan melakukan tajdid terhadap pendidikan Islam supaya pendekatan berdasarkan tauhid yang sifatnya merentasi dijadikan asas dalam binaan kurikulum, metodologi pengajaran dan pembelajaran, bentuk pengukuran mengenai pencapaian pelajar, di samping alat bantu mengajar sama ada buku teks, peralatan audio dan visual yang memberikan asas berfikir dan penghayatan yang baik.

Ia boleh berlaku sekiranya fokus terhadap nilai paling utama iaitu aqidah dapat diolah dengan bijaksana dan kreatif supaya hasil pengajaran dan pembelajaran memberi kesan penghayatan dan memantapkan pembawaan aqidah dan tauhid kepada pelajar.

Dalam kalangan pelajar bukan Islam, mereka harus diberikan pendidikan mengenai nilai-nilai interaktif yang diambil daripada sumber tamadun dan budaya, serta falsafah dan tradisi yang baik supaya ia dapat membentuk pola berfikir dan pola watak yang menjunjung tinggi nilai-nilai keinsanan dan kemanusiaan.

Kita tidak perlu menjadi liberalis dan pluralis kerana pedoman al-Quran sangat jelas; *la ikraha fiddin* (tiada paksaan dalam beragama) dan *lakum dinukum waliya din* (kamu agama kamu, kami agama kami). 

# PEMENANG

TEKA SILANG KATA SOLUSI SIRI 37

**pertama**  
**HAKIMAH BINTI YUSOF**  
 Kuala Rompin, Pahang

**kedua**  
**KHAIRUL ASYRAF BIN AHMAD**  
 Gombak, Selangor

**ketiga**  
**ZAIN BINTI RAHMAN**  
 Kajang, Selangor

**saguhati**  
**NAPSAH BINTI ISHAH**  
 Serendah, Selangor

**NURUL HASANAH BT KAMALUDIN**  
 Bukit Piatu, Melaka

**ZAINAL BIN ISMAIL**  
 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan

**WAN MOHD RIDZUAN W. YAAKUB**  
 Wakaf Bharu, Kelantan

**RAJA NOR HIDAYAH RAJA SULAIMAN**  
 UTM Skudai, Johor



## SYARAT DAN PERATURAN

- 1 Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Solusi*, kecuali kakitangan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat.
- 2 Peraduan ini berlangsung selama dua (2) bulan, dari **1 Mei 2012** hingga **30 Jun 2012**.
- 3 Tarikh tutup penyertaan: **30 Jun 2012**.  
 Penyertaan selepas tarikh tersebut tidak diterima.
- 4 Penyertaan mestilah menggunakan borang asal dan pastikan diisi lengkap. Salinan fotokopi tidak diterima.
- 5 Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**. Sekiranya tiada pemenang, jawapan yang hampir akan diterima sebagai pemenang.
- 6 Sekiranya terdapat **lebih daripada seorang pemenang**, cabutan akan dibuat oleh para hakim. Keputusan hakim adalah muktamad.

- Isikan **semua petak** dengan HURUF BESAR dengan jelas.
- Jika terdapat kesilapan dan anda ingin mengubahnya, boleh digunakan pemadam, *liquid paper* atau sebagainya.
- Poskan penyertaan anda ke:  
 Peraduan Silang Kata Siri 40  
**Telaga Biru Sdn. Bhd.**  
 28 Jalan Tembaga SD 5/2A  
 Sri Damansara Industrial Park  
 52200 Kuala Lumpur
- Pemenang akan dihubungi melalui alamat pos atau melalui telefon dan/atau e-mel (jika ada disertakan alamat e-mel dan/atau no. telefon).